

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**
TARIKH : **18 MAC 2015 (RABU)**

PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah syarikat yang gagal untuk memfailkan '*annual returns and audited financial reports*' seperti yang telah diwajibkan di bawah Seksyen 169 Akta Syarikat 1965 dan antara mereka, berapa yang telah diambil tindakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Setiap syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (AS 1965) dikehendaki menyerahkan Penyata Tahunan bersama-sama Penyata Kewangan yang telah diaudit ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam tempoh satu bulan selepas Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan pada setiap tahun kalendar, sepertimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 165 Akta Syarikat 1965 yang dibaca bersama Jadual Kelapan di bawah Akta yang sama.

Kegagalan menyerahkan Penyata Tahunan dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan syarikat dan semua pegawai syarikat didenda maksimum RM2 ribu dan penalti ingkar. Pada tahun 2014, sebanyak 38,320 buah syarikat telah gagal menyerahkan Penyata Tahunan bersama-sama Penyata Kewangan bagi tempoh tersebut.

SSM telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap syarikat-syarikat yang dikesan melakukan kesalahan di bawah seksyen 165 Akta Syarikat 1965 iaitu berkaitan serahsimpan Penyata Tahunan sepanjang tempoh tersebut, seperti berikut:

- (i) Tindakan kompaun:
60,790 notis kompaun telah dikeluarkan kepada syarikat dan pengarah-pengarah syarikat;
- (ii) Tindakan pendakwaan:
14,372 kes didaftarkan di mahkamah;

(iii) Tindakan perundangan secara sivil:

Sebanyak 8 kes telah difailkan di Mahkamah Tinggi berhubung permohonan SSM mendapatkan perintah mahkamah supaya syarikat dan pengarah-pengarah syarikat tersebut, menyerahkan Penyata Tahunan bagi tahun-tahun yang tertunggak. Tindakan perundangan tersebut melibatkan **8 buah syarikat dan 18 orang pengarah-pengarahnya**; dan

(iv) Pembatalan nama syarikat:

Sebanyak **30,669** buah syarikat yang dikesan gagal menyerahkan Penyata Tahunan secara berterusan bagi tempoh melebihi 5 tahun, telah dimulakan proses pembatalan nama syarikat di bawah Seksyen 308(1) atau (2) Akta Syarikat 1965. Selain itu, seramai **63,208** orang pengarah syarikat juga telah diberikan notis di bawah seksyen 308(2) Akta Syarikat 1965 berhubung tindakan SSM untuk membatalkan nama syarikat.